

## **BAB 3**

### **PROSEDUR KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Kajian tentang respons dan keadaan penggunaan bahan pengajaran bahasa Cina ini bermula dari Julai 1996 hingga Jun 1999. Langkah pertama melibatkan pengumpulan dan penganalisisan bahan-bahan kesusasteraan, penelitian borang soal selidik dan juga temu ramah. Perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini termasuklah: penganalisisan bahan kesusasteraan, borang soal selidik, temu ramah, dan objektiviti kajian ini.

#### **3.2 Kajian Melalui Bahan-bahan Kesusasteraan**

Penyelidik telah menziarahi Dong Jiao Zong di Kajang Selangor dan Pusat Sumber Cina di Kuala Lumpur beberapa kali untuk mengumpul maklumat tentang pendidikan bahasa, bahan-bahan kesusasteraan yang berkaitan, tesis, buku-buku, terbitan berkala dan majalah dari Taiwan, China, Hong Kong, Singapura dan Malaysia. Di samping itu, buku teks terbitan Dong Jiao Zong yang berjudul “Shi Yong Chu Zhong Hua Wen” ( Bahasa Cina untuk Tingkatan Menengah Rendah ) dan “Tong Yi Chu Zhong Ke Ben” ( Buku Teks Seragam Tingkatan Menengah Rendah ) sebanyak 12 jilid setiap satu turut dijadikan bahan

rujukan kepustakaan. Semua maklumat yang berkaitan dengan pendidikan bahasa telah dikumpul, diproses dan disusun sebagai bahan rujukan asas borang soal selidik.

### **3.3 Kajian Melalui Soal Selidik**

Borang soal selidik telah disediakan berdasarkan sumber maklumat yang dikumpul. Ini termasuklah borang soal selidik He (1981) dan “Jadual Penyelidikan Pilihan Bahan Pengajaran Bahasa Cina Seragam Tingkatan Menengah Rendah” istilah asal karya Shui Xin, serta menerusi bimbingan penyelia. Akhirnya, “Jadual Kajian Mata pelajaran Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah” berjaya disediakan.

#### **(1) Sasaran Kajian**

Kajian ini cuma melibatkan Sekolah Menengah Chong Hwa Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Pin Hwa Kelang, dan Sekolah Menengah Hin Hwa Kelang, yang kesemuanya terletak di Negeri Selangor. Sekolah Menengah Chong Hwa Kuala Lumpur dipilih atas sebab sekolah ini merupakan sekolah menengah persendirian Cina yang terbesar di kawasan tengah Semenanjung Malaysia. Sekolah ini selalu mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang dalam Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia setiap tahun. Sekolah Menengah Pin Hwa dan Hin Hwa pula

merupakan dua buah sekolah menengah persendirian yang utama di Kelang. Sekolah-sekolah yang dipilih untuk kajian ini mengamalkan cara penyusunan kelas mengikut tahap keupayaan pelajar, iaitu dalam setiap tingkatan, terdapat kelas cemerlang, kelas sederhana, dan kelas biasa.

Sampel pelajar dalam kajian ini terdiri daripada tingkatan satu, dua dan tiga daripada setiap sekolah tersebut di atas. Seramai 438 orang pelajar daripada 9 kelas telah dipilih sebagai sasaran kajian. Demi meningkatkan keberkesanan dan objektiviti kajian, pelajar-pelajar yang dipilih dari setiap tingkatan merupakan gabungan tiga jenis tahap keupayaan. Jadual 6 menunjukkan penyusunan tahap keupayaan dan pelajar yang dipilih daripada tiga tingkatan bagi setiap sekolah yang terlibat dalam kajian ini. "A" mewakili kelas cemerlang, "B" mewakili kelas sederhana, manakala "C" mewakili kelas biasa.

**Jadual 6: Tahap Keupayaan, Jumlah Pelajar, Tingkatan dan Sekolah Sasaran Kajian**

Nama Sekolah	Jumlah Pelajar dalam Kelas dan Tahap Keupayaan Pelajar						Jumlah
	Tingkatan Satu	Tahap	Tingkatan Dua	Tahap	Tingkatan Tiga	Tahap	
Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuala Lumpur	65	A	66	B	64	C	195
Sekolah Menengah Pin Hwa, Kelang	39	B	41	C	40	A	120
Sekolah Menengah Hin Hwa, Kelang	44	C	40	A	39	B	123
Jumlah Besar							438

## (2) Lingkungan Kajian

Buku teks yang menjadi bahan kajian ini terbatas kepada siri buku teks bahasa Cina Jilid Satu untuk tingkatan menengah rendah satu, dua dan tiga, terbitan Jabatan Sukatan Pelajaran Dong Jiao Zong. Buku Jilid Satu dipilih kerana semasa soal selidik diusahakan, pelajar telah tamat mempelajari buku teks tersebut. Maka, bahan kajian ini selaras dengan objektif kajian ini.

### **3.4 Kajian Melalui Cara Temu Ramah**

Kajian ini juga melibatkan sesi temu ramah. Sebelum temu ramah diadakan, pihak yang bakal ditemu ramah telah dimaklumkan terdahulu menerusi telefon tentang objektif dan prosedur kajian. Setelah memperoleh persetujuan responden, barulah penyelidikan mengadakan sesi temu ramah dengan mereka. Selanjutnya, akan diterangkan sedikit tentang tujuan dan proses temu ramah bagi menyempurnakan kajian ini.

#### **(1) Tujuan Temu Ramah**

Tujuan utama temu ramah ini adalah untuk:

- a. Mengetahui keadaan sebenar penggunaan buku teks edisi baru.
- b. Mengetahui rujukan penulisan dan para penyunting buku teks edisi baru ini serta memahami proses perancangannya.
- c. Mengetahui pandangan dan cadangan pihak yang ditemu ramah tentang buku teks yang sedang digunakan.

#### **(2) Persediaan Rangka Temu Ramah**

Rangka temu ramah yang ringkas tetapi menyeluruh untuk kajian ini disediakan melalui rujukan bahan-bahan pengajaran yang berkaitan. Namun, kandungan temu ramah berubah mengikut pihak yang ditemu ramah.

Kandungan temu ramah ini melibatkan soalan-soalan seperti:

- a. Pendapat diri terhadap pendidikan bahasa
- b. Piawaian penyediaan kandungan buku teks dan pengehadannya
- c. Cara pemilihan penulis dan penyusun buku teks
- d. Objektif dan paduan pengajaran bahasa Cina tingkatan menengah rendah
- e. Pengalaman menulis buku teks bahasa Cina
- f. Pengalaman menyemak buku teks bahasa Cina
- g. Kelebihan, had, dan kepraktisan buku teks bahasa Cina edisi baru
- h. Cadangan untuk memperbaiki buku teks bahasa Cina
- i. Pandangan tentang perkembangan pendidikan bahasa pada masa akan datang
- j. Lain-lain

### **(3) Proses Temu Ramah**

Proses temu ramah merangkumi:

#### **1. Tarikh Temu Ramah**

Temu ramah telah dijalankan dari Februari, 1997 hingga Februari 1999. Semua pihak yang ditemu ramah telah dihubungi melalui telefon terlebih dahulu untuk tujuan dan kandungan temu ramah. Tarikh dan tempat temu ramah ditetapkan setelah memperoleh persetujuan mereka.

## **2. Sasaran Temu Ramah**

Temu ramah ini melibatkan pihak-pihak seperti yang berikut:

- A. Ahli Jawatankuasa Penyemakan Buku Bahasa Cina di Dong Jiao Zong,
- B. Pihak Pentadbir Jabatan Sukatan Pelajaran Dong Jiao Zong, Malaysia,
- C. Pensyarah Jabatan Tionghua Kolej New Era,
- D. Ketua Unit Pengajaran Cina, Maktab Perguruan Tuanku Bainun, dan
- E. Ketua Panitia bahasa Cina dan guru-guru bahasa Cina sekolah menengah persendirian Cina.

Jadual 7 di bawah menunjukkan jumlah dan butiran lanjut responden yang telah ditemu ramah.

**Jadual 7: Status Sosial Pihak Yang Ditemu ramah, Masa, Kekerapan, Tempat, Tarikh dan Bilangan yang Ditemu ramah bagi Tempoh Februari 1997 hingga Februari 1999**

Kategori	Jawatan	Masa	Kekerapan	Bilangan orang
A	Ahli Jawatankuasa penyemakan buku bahasa Cina	180 minit	5	2
B	Pihak pentadbir Jabatan Sukatan Pelajaran Dong Jiao Zong, Malaysia	60 minit	1	1
C	Pensyarah Jabatan Tionghua Kolej New Era	90 minit	2	1
D	Ketua Unit Pengajaran Cina Maktab Perguruan Tuanku Bainun	90 minit	1	1
E	Ketua Panitia bahasa Cina dan guru-guru bahasa Cina sekolah menengah persendirian Cina	90 minit	6	6

### **3. Menjalankan Temu Ramah**

Jadual 7 di atas menunjukkan bahawa seramai 11 orang telah ditemu ramah untuk menyempurnakan kajian ini.

#### **3.5 Kebolehpercayaan Kajian**

Kajian ini melibatkan analisis bahan kesusasteraan, penyelidikan melalui borang soal selidik, dan temu ramah. Sepanjang proses kajian ini, penyelidik sering memperbaiki data yang diperoleh demi mengukuhkan lagi hasil kajian. Antara cara-cara yang digunakan ialah:

##### **1. Mengumpul bahan-bahan kajian secara meluas dan hadir di tempat kajian**

Dalam usaha menjalankan kajian ini, data dan bahan pengajaran telah dikumpul daripada pelbagai sumber dan bentuk agar hasil kajiannya menjadi seobjektif mungkin. Pada mulanya, penyelidik telah membaca dan merujuk buku-buku yang berkaitan di perpustakaan di samping menghadiri kursus dan seminar pendidikan untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan terkini. Pada masa yang sama, demi mempelbagai sumber maklumat, penyelidik juga memperoleh nasihat daripada Ahli Jawatankuasa Penyemakan Buku Teks, pensyarah-pensyarah dari Maktab Perguruan, guru-guru sekolah menengah, dan ahli pentadbiran sukatan pelajaran Dong Jiao Zong.

## **2. Maklum balas rakan sebaya**

Dalam kajian ini, penyelidik juga berbincang dengan rakan sebaya tentang pandangan penyelidik berkaitan dengan soal kajian. Tindakan ini membolehkan penyelidik memahami perkara tertentu dan mengelakkan pandangan penyelidik yang terlalu subjektif.

## **3. Meneliti dan memeriksa data kajian berkali-kali serta menulis laporan kajian dengan berhati-hati**

Selain daripada menganalisis kandungan data yang dikumpul, penyelidik juga memastikan keberkesanan pengurusan data. Dalam menguruskan data temu ramah, segala kandungan yang telah dicatat semasa temu ramah diteliti untuk memastikan data tersebut tidak terpesong daripada tujuan asal.

Sebagai kesimpulan, kajian ini dijalankan melalui pengumpulan data daripada pelbagai sumber, melibatkan perbincangan rakan sebaya, marangkumi kerja meneliti dan memeriksa semula kajian serta menggunakan pengalaman mengajar bahasa Cina penyelidik sendiri selama 10 tahun sebagai alat untuk mempertingkat kebolehpercayaan kajian.

### **3.6 Prosedur Pengumpulan Data**

#### **1. Penetapan soalan kajian peringkat awal**

Pada peringkat awal, bahan pengajaran bahasa Cina sekolah menengah Malaysia telah ditetapkan sebagai soalan kajian dan rancangan kajian mula dirangka selepas itu.

#### **2. Pengumpulan dan penafsiran bahan rujukan**

Pada pertengahan Februari 1997, maklumat kajian berkaitan mula dicari melalui indeks tesis di perpustakaan-perpustakaan di Universiti Malaya dan Dong Jiao Zong. Selepas itu, bahan terbitan dan buku-buku rujukan berkaitan telah diperoleh dari Dong Jiao Zong di Kajang dan Pusat Sumber Cina di Kuala Lumpur. Pada pertengahan September 1998, rujukan indeks dibuat melalui bilik sumber, Department of Chinese Studies, National University of Singapore dan kandungan kajian tesis yang berkaitan pula dirujuk di internet. Selain itu, maklumat juga dikumpul dari Perpustakaan Fakulti Pendidikan di Nanyang Technological University melalui bantuan dan cadangan Profesor Yi Li. Di bawah bantuan rakan-rakan dari Taiwan, beberapa tesis kajian yang berkaitan telah diteliti dari pusat sumber di Universiti Politik Taiwan.

### **3. Pencarian sasaran dan tempat kajian**

Sebelum pelaksanaan borang soal selidik, maklumat tentang sekolah yang bakal dijadikan sasaran kajian telah diperoleh dengan bantuan rakan-rakan yang mengajar di sekolah-sekolah berkenaan. Pada September 1998, tiga buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Chong Hwa di Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Pin Hwa di Kelang dan Sekolah Menengah Hin Hwa di Kelang telah dijadikan sasaran dan tempat kajian. Setelah mendapat kebenaran dari pihak sekolah, Ketua Panitia Akademik dan Ketua Panitia bahasa Cina telah ditemu ramah demi menjelaskan tajuk, objektif dan cara kerjasama dengan guru dan pelajar untuk kajian ini.

### **4. Penyediaan, penyemakan dan penyiapan borang soal selidik**

#### **a. Perancangan borang soal selidik**

Dua borang soal selidik telah disediakan berlandaskan Sukatan Pelajaran yang digunakan oleh sekolah menengah persendirian Cina dan Buku Teks bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah yang diterbitkan oleh Bahagian Sukatan Pelajaran Dong Jiao Zong. Salah satu borang tersebut disediakan untuk diisi oleh para pelajar (lihat Lampiran 1) dan satu lagi untuk dilengkapkan oleh para guru (lihat Lampiran 2). Borang soal selidik yang diisi oleh guru bertujuan dijadikan rujukan penyemakan kajian dan bandingan dengan bahan kajian lain yang telah dikumpul.

### **b. Proses penyediaan borang soal selidik**

Setelah draf pertama borang soal selidik disediakan, penyelidik telah mendapatkan pandangan daripada rakan di universiti dan guru-guru bahasa Cina di sekolah menengah tentang format, kandungan dan kesesuaian jumlah soalan yang dikemukakan. Pengubahsuaian telah dibuat selepas mendapat maklum balas yang relevan. Seterusnya, borang-borang itu telah dihantar kepada penasihat kajian untuk diteliti dan disemak. Bahagian borang soal selidik untuk pelajar telah diedarkan oleh guru-guru di sekolah pada pertengahan Ogos 1998 secara meluas sebagai percubaan mendapatkan maklum balas. Tujuan tindakan ini adalah untuk menggunakan borang yang diubahsuai sebagai asas rujukan untuk kajian ini seterusnya. Setelah borang-borang itu dikutip semula, pengubahsuaian telah dibuat sekali lagi lalu disemak buat kali terakhir oleh penasihat kajian ini sebelum dicetak.

### **c. Kandungan borang soal selidik**

Kandungan borang soal akan selidik akan disenarai lalu dibincang secara terperinci dalam Bab 4.

## **5. Pelaksanaan soal selidik melalui borang**

Pada 1 Julai 1998 hingga 3 Ogos 1998, penyelidik telah pergi ke tiga buah sekolah sasaran kajian untuk menjalankan soal selidik. Demi mengelakkan kemungkinan bahawa pelajar telah lupa atau kurang jelas

tentang apa yang telah dipelajari, maka guru-guru telah mencadangkan supaya halaman kandungan buku jilid 1 (lihat Lampiran 3), 3 (lihat Lampiran 4) dan 5 (lihat Lampiran 5) dicetak dan diedarkan kepada pelajar. Pada masa yang sama, para pelajar juga diingatkan supaya membawa jilid buku-buku teks bahasa Cina yang berkaitan. Masa menjawab soalan ialah 45 minit, iaitu satu waktu pengajaran (lebih kurang 45 minit). Demi meningkatkan keberkesanan kajian ini, penyelidik telah menjelaskan perkara yang perlu diberikan perhatian dan paduan soal selidik pada masa 10 minit sebelum pelajar mula menjawab soalan. Pelajar dibenarkan bertanya tentang perkara yang tidak difahami. Dengan izin guru kelas, penyelidik telah membantu di sepanjang masa soal selidik itu dijawab oleh pelajar. Oleh sebab penyelidik telah hadir di tempat itu untuk memberi penjelasan, mengawas dan mengutip borang, maka sejumlah 438 borang yang diedar berjaya dikutip semula kesemuanya.

**Jadual 8: Tarikh, Tempat, dan Jumlah Pelajar yang Terlibat dalam Borang Soal Selidik**

Tarikh	Tempat	Jumlah Pelajar Terlibat		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1 Julai 1998	Bilik darjah Sekolah Menengah Chong Hwa	103	92	195
21 Julai 1998	Bilik darjah Sekolah Menengah Pin Hwa	65	55	120
3 Ogos 1998	Dewan Sekolah Menengah Hin Hwa	74	49	123
Jumlah besar				438

Dalam kajian ini, borang soal selidik menjadi data utama analisis, manakala kajian bahan-bahan pengajaran yang berkaitan dan temu ramah dijadikan bahan penyemakan sampingan.

**(a) Pemprosesan data kesusasteraan**

Setelah maklumat-maklumat seperti tesis, terbitan berkala, minit mesyuarat, rancangan sukatan pelajaran, penyusunan data dan jadual laporan penilaian buku baru dikumpul, maklumat-maklumat ini telah diproses, dianalisis, dilabel, dibahagi mengikut jenis, dinomborkan, dikemaskini dan tajuk utama kajian dipaparkan. Akan tetapi, pemprosesan maklumat diteruskan dengan kemasukan maklumat baru, dan pembahagian maklumat dijalankan mengikut ciri-ciri maklumat yang diperoleh.

### **(b) Pemprosesan data temu ramah**

Selepas setiap sesi temu ramah, semua kandungan data yang diperoleh sama ada dalam bentuk kaset atau nota telah dibahagi dan disusun mengikut penekanan kajian ini, lalu dinomborkan mengikut jenis. Cara penyusunan awal dibuat berdasarkan sasaran temu ramah, dan seterusnya berdasarkan tajuk kajian. Dalam setiap pemprosesan dan penyusunan data, penyelidik membuat analisis peringkat awal untuk mengetahui secara jelas maksud yang ingin disampaikan. Di samping itu, data bahan kesusteraan dianalisis selanjutnya dan penyemakan semula dilakukan. Pengumpulan data dan analisis awal kandungan dilakukan serentak demi mengatasi kelemahan data bahan kesusteraan.

## **6. Prosedur pengumpulan data dan analisis data**

Sebanyak 438 borang soal selidik yang dikutip itu disemak lalu disusun, seterusnya direkod dan ditaip ke dalam komputer untuk dianalisis. Berikut merupakan prosedur pemprosesan dua bahagian borang soal selidik tersebut:

### **(a) Pemprosesan data bahagian pertama**

Bahagian pertama borang<sup>\*</sup> soal selidik melibatkan 36 soalan objektif. Setelah borang soal selidik dikumpul, didapati bahawa sebilangan kecil pelajar tidak menjawab sesetengah soalan atau memilih lebih daripada

satu jawapan. Oleh kerana jumlah yang terlibatnya kecil maka jawapan berkenaan tidak diambil kira.

**(b) Pemprosesan data bahagian kedua**

Dalam penyemakan data bahagian kedua, munculnya dua keadaan yang kurang memuaskan, iaitu:

- a) Jumlah waktu pengajaran mata pelajaran tidak diisi.
- b) Dalam soalan yang memerlukan pelajar memilih sama ada mereka “suka membaca atau tidak suka membaca” sesuatu pelajaran, pelajar telah memilih kedua-dua jawapan, begitu juga dengan soalan yang meminta pelajar memilih sama ada pelajaran berkenaan “sukar dibaca atau senang dibaca”, mereka juga telah memilih kedua-dua jawapan yang dibekalkan. Jadi jawapan yang menunjukkan percanggahan sedemikian telah dibatalkan.

Semua data yang diperoleh dalam kajian diproses dengan cara seperti yang dibincangkan di atas. Butir-butir terperinci tentang analisis data dan hasil analisis akan dibincangkan selanjutnya dalam Bab 4.